

**MESYUARAT KEEMPAT TAHUN PERTAMA  
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**HARI KEDUA  
26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**

---

**1. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)**

UNSUR NADI BUMI (REE)

- (a) Adakah kerajaan berhasrat untuk membuka Kawasan perlombongan baru ree (unsur Nadi Bumi) di Perak?
- (b). Adakah kerajaan telah melaksanakan kajian tambahan kesan perlombongan ke atas Pokok-pokok dan kualiti air di sekitar Kawasan perlombongan

**2. YB CIK WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)**

- (a) Apakah status pelaksanaan program JENDELA atas penyediaan kemudahan rangkaian untuk liputan 4G di negeri Perak?
- (b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk mempercepat pelaksanaan 5G sejajar dengan aspirasi digital kerajaan?
- (c) Apakah perancangan penggunaan smart street pole di Daerah Kinta dan prestasi penggunaan tersebut?

**3. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)**

Baikpulih gelanggang futsal

- a) Apakah kayu ukur yang digunakan oleh pihak kerajaan negeri bagi menilai tahap kerosakan gelanggang - gelanggang sukan terutamanya gelanggang futsal?
- b) Berapakah peruntukan khusus bagi tujuan pembaikpulihan gelanggang futsal terutamanya di kawasan luar bandar seperti di DUN Pengkalan Hulu yang mempunyai 4 buah gelanggang futsal yang perlu dibaikpulih dengan segera berdasarkan kepada keadaan gelanggang tersebut?

**4. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)**

Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, Pasar Besar Kuala Kangsar perlu dinaiktaraf sama ada di tapak yang sama atau dipindahkan ke tapak yang baharu. Dimaklumkan bahawa pihak FAMA telah menyediakan Pasar Baharu untuk peniaga-peniaga Pasar Besar Kuala Kangsar yang berkonsepkan Pasar Tani Kekal. Adakah pihak FAMA dan Pihak Berkuasa Tempatan telah terlebih dahulu berbincang dengan peniaga-peniaga Pasar Besar Kuala Kangsar sebelum pembinaan Pasar Baharu tersebut?

- a) Adakah kemudahan yang disediakan di Pasar Baharu setara atau lebih baik berbanding dengan kemudahan di Pasar Lama (Pasar Besar Kuala Kangsar)?
- b) Adakah kajian telah dibuat berkaitan kesesuaian Pasar Baharu dari sudut lokasi, kemudahan pengguna, hasil jualan peniaga dan lain-lain?

**5. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)**

Sila nyatakan inisiatif kerajaan negeri bagi mempromosikan ‘green technology’.

- (a) Nyatakan projek ‘solar farming’ yang telah beroperasi dan bakal bermula di negeri Perak

**6. YB PUAN BAVANI A/P VERIAH (MALIM NAWAR )**

PROGRAM WANITA TAHUN 2024

- a. Sila nyatakan program baru yang akan ditawarkan kepada golongan wanita di Negeri Perak bagi tahun 2024.
- b. Sila nyatakan berapa ramai wanita daripada DUN Malim Nawar akan mendapat manfaat daripada program wanita yang telah dirancang ini.
- c. Sila nyatakan senarai bangunan Kerajaan Negeri di seluruh Perak yang dilengkapi dengan bilik asuhan dan yang tidak dilengkapi dengan bilik asuhan

**7. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)**

Tahun depan merupakan Tahun Melawat Perak 2024 dan daerah Manjung merupakan salah satu daerah di negeri Perak yang berpotensi untuk menjadi tempat pelancongan.

1. Apakah persediaan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menarik pelancong ke Daerah Manjung terutamanya di Pekan Sitiawan dan Pekan Warisan Kg Koh?
2. Adakah kemudahan dan fasiliti yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk membantu penduduk tempatan melibatkan diri dalam sektor pelancongan seperti peruntukan bagi membina infrastruktur tempat pelancongan?
3. Berapakah peruntukan kerajaan negeri yang disediakan untuk sektor pelancongan di negeri Perak?

**8. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)**

- a) Adakah kadar pengangguran di negeri Perak menurun pada tahun ini ?
- b) Apakah inisiatif kerajaan dalam menarik perhatian dan minat golongan muda, khususnya golongan profesional kembali ke negeri Perak untuk pembangunan ekonomi negeri ?

**9. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)**

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang diumumkan baru-baru ini oleh Kementerian Ekonomi bagi tujuan menarik pelabur dan menjana peluang kerjaya yang bernilai sekali gus ia juga meningkatkan pendapatan rakyat. Ini merupakan satu lonjakan utama untuk Malaysia dan Perak secara amnya

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kelangsungan dan kewujudan loji janakuasa tenaga solar tambahan sebagai sumber tenaga boleh baru di Hutan Melintang yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat serta tidak mengabaikan aspek kesihatan dan keselamatan penduduk

**10. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)**

Tanah Kerajaan Negeri Perak seluas puluhan ribu ekar telah dipajak kepada UIE (M) Sdn Bhd (dahulunya GULA PERAK) sejak sekian lama. Soalan saya ialah bagaimana dengan tolakan 10% dari keluasan tanah setiap kali mereka memperbaharui pajakan mereka?

Apakah Rancangan Kerajaan Negeri terhadap tanah yang ditolak setiap kali mereka memperbaharui pajakan tersebut?

Adakah boleh dijadikan Skim RTB atau RPT untuk kepentingan rakyat setempat?

**11. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)**

Melihat pada lonjakkan potensi anak muda tempatan menceburi e-sport bagaimana dengan peranan kerajaan dalam memberi kelulusan dan lesen cybercafe?

**12. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)**

Pelan Perak Sejahtera 2030 merangkumi 18 program flagship dan salah satu program flagship adalah pembasmian miskin tegar. Apakah perancangan terperinci kerajaan negeri dalam usaha membasi kemiskinan di negeri Perak dan apakah usaha jangka masa pendek yang diambil untuk menyahut panggilan kerajaan persekutuan yang diterajui oleh Perdana Menteri untuk menotahkan kemiskinan tegar tahun ini

**13. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)**

Apakah perancangan kerajaan Negeri Perak dalam industri pelancongan bagi memastikan pelancong tidak hanya menjadikan Negeri ini sebagai 'RNR' sahaja, malah menarik minat pelancong untuk berbelanja dan bermalam di Negeri ini?

**14. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS ( BATU KURAU )**

Ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar, apa perkembangan dan status Tanah yang telah diwakafkan kepada MAIPK untuk didirikan masjid di Batu14 Batu Kurau berhampiran Pondok Quen Batu Kurau

**15. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)**

Sejauh manakah perkembangan pelan penempatan dan pembangunan generasi kedua Peneroka Felda. Khususnya di kawasan N.03 DUN Kenering, setakat ini. Adakah ianya di laksanakan mengikut jadual sepatutnya ataupun sebaliknya?

**16. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)**

Lapangan Terbang Antarabangsa Perak

- (a) Adakah lokasi Lapangan Terbang Antarabangsa Perak baru di Bota telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan apakah rasional membina lapangan terbang antarabangsa baru di kawasan Bota?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membuat tender terbuka untuk memilih syarikat yang akan memberi syarat yang terbaik kepada Kerajaan Negeri untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Perak?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Perak yang baru di Tanjung Malim memandangkan lokasinya yang strategik dengan satu jam perjalanan daripada Kuala Lumpur

**17. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)**

Kemiskinan tegar di kalangan penduduk tempatan yang menggusarkan bukanlah suatu permasalahan baru sehingga ada yang masih menumpang untuk membina rumah di tanah rizab jalan dan pinggiran sungai. Jadi, apakah tindakan Kerajaan supaya mengambil serius terhadap permasalahan ini?

- a. Adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi lot tanah kepada golongan asnaf yang berkelayakan untuk mereka mendirikan rumah melalui skim atau program bantuan perumahan Rumah Mesra Rakyat (RMR), rumah Baitulmal atau rumah Yayasan Perak?
- b. Apakah cadangan Kerajaan untuk memastikan setiap rakyat atau keluarga berpeluang memiliki sebuah rumah sendiri?

**18. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)**

Apakah garis panduan dan tatacara perlaksanaan program Kawasan Kekal Kelapa (3K) Daerah Bagan Datuk untuk mengembalikan kedudukan Bagan Datuk sebagai pengeluar kelapa utama negara.

- a) Sebelum pelaksanaan dilakukan, adakah kaji selidik dan siasatan telah dilakukan di kawasan Bagan Datuk berikutan ancaman haiwan perosak yang semakin tidak terkawal dan semakin membimbangkan

**19. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU )**

ISU PELANCONGAN PERINDUSTRIAN.

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap Pelancongan Perindustrian?

- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan satu aplikasi supaya boleh menjadi satu garis panduan dan bantuan kepada orang ramai melawat ke Negeri Perak?

**20. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)**

Tahniah diucapkan kepada YAB Menteri Besar yang telah meneruskan projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Seri Iskandar. Namun beberapa persoalan berkaitan projek ini harus dijelaskan agar ianya tidak disalah ertikan.

1. Berapakah kos cadangan bagi pembinaan lapangan terbang antarabangsa ini?
2. Apakah yang terjadi pada tapak asal yang telah dicadangkan oleh menteri besar terdahulu bagi pembinaan lapangan terbang ini?
3. Sejauh manakah kebolehupayaan lapangan terbang ini digunakan bagi menarik pelabur asing berikutan lokasinya yang jauh daripada lapangan terbang sedia ada

**21. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)**

Apakah respons balas atau tindakan kerajaan negeri terhadap bantahan para peniaga di Pasar Besar Kuala Kangsar, yang diarahkan berpindah ke tapak baru di Taman Kuala Kangsar?

**22. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)**

Bagan Datuk sebagai Daerah Ke 12 dalam Negeri Perak, bilakah Kerajaan Negeri akan membina kompleks Pejabat Daerah yang akan menempatkan Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi supaya mereka berada di satu tempat yang mana pasti akan memudahkan rakyat Bagan Datuk untuk berurus dengan Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan?

**23. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)**

1. Apakah rasional pemilihan tapak pembinaan Lapangan Terbang bertaraf Antarabangsa di Felcra Nasaruddin, Bota?
2. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada perpindahan ke tapak baru, tidak di tapak asal yang dicadangkan?

**24. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)**

#### **INDUSTRI PERTANIAN BELIA DI DUN MALIM NAWAR**

- a. Apakah bentuk dan jumlah bantuan atau insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi golongan belia di Negeri Perak menceburi bidang pertanian?
- b. Senaraikan program-program latihan untuk menggalakkan belia-belia di DUN Malim Nawar menceburi sektor pertanian?
- c. Sila nyatakan jumlah penglibatan belia dalam bidang pertanian mengikut pecahan kaum di Negeri Perak bagi tahun 2020 hingga 2023?

#### **25. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Masalah kemalangan akibat haiwan rayau seperti lembu dan kerbau selalu menghantui pengguna jalan raya termasuk di Dun Trong. Kemalangan ini bukan hanya melibatkan kerugian harta benda sahaja bahkan menyebabkan kecederaan dan kehilangan nyawa. Adakah kerajaan bersedia menggubal suatu undang-undang yang berkesan bagi mengatasi masalah ini kerana undang-undang kecil di bawah PBT masih gagal menyelesaikan masalah ini baik dan membela mangsa kemalangan?. Mangsa kemalangan trauma dan mengalami kerugian kerana tidak gagal mengenal pasti pemilik haiwan rayau berkenaan

#### **26. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN ( SELAMA )**

Memetik Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Pertama Dewan Undangan Negeri Kelima Belas bertarikh 20 Disember 2022 bersamaan 25 Jamadilawal 1444 iaitu, "Jauhi sifat-sifat angkuh dan bongkak dengan tidak mengamalkan budaya yang menang, menang semua; di sebaliknya, hendaklah bersifat adil mengagihkan peruntukan dan melaksanakan program pembangunan secara saksama tanpa prejidis".

A) Adakah kerajaan negeri berhasrat meneruskan peruntukan yang sama rata ini untuk tahun hadapan seperti mana peruntukan pada tahun ini?

#### **27. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG ( CHENDERIANG )**

Klinik Kesihatan Jalan Damai Tapah kini berlakunya kesesakan untuk pesakit mendapatkan rawatan pada setiap hari. Berdasarkan data yang diberi oleh Jabatan Kesihatan, jumlah kedatangan tahunan pesakit melebihi 65,000 orang

pesakit dan kedatangan pesakit setiap hari semakin meningkat. Dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Perak terdapat perancangan mewujudkan klinik kesihatan baharu di mukim Chenderiang yang kini mempunyai kepadatan penduduk melebihi 30,000 orang.

- a) Dengan jumlah rakyat yang semakin meningkat, apakah maklum balas terkini perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pembinaan sebuah Klinik kesihatan yang baharu di Kawasan DUN Chenderiang bagi memberi keselesaan kepada rakyat?

**28. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Peruntukan bagi kerja pemberian lampu jalan

- a) Masih banyak jalan utama di daerah Hulu Perak khususnya di DUN Pengkalan Hulu seperti Jalan FT 076 Pengkalan Hulu ke Gerik di kawasan Gunung Paku dan Jalan FT 077 Pengkalan Hulu - Betong tidak mempunyai lampu jalan atau lampu jalan yang sedia ada tidak berfungsi bagi tujuan pencahayaan. Apakah perancangan pihak kerajaan negeri Perak melalui JKR negeri bagi memastikan keadaan ini dapat diatasi dengan segera?
- b) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri mengatur peruntukan bagi tujuan pemberian lampu - lampu jalan yang dilihat masih tidak dapat diselesaikan perkara ini?

**29. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA ( GUNONG SEMANGGOL )**

TANAH RIZAB MELAYU ATAS NAMA BUKAN MELAYU(TRM)

- a). Mohon pihak kerajaan negeri dapat menyatakan berapakah keluasan TRM diatas nama bukan Melayu diseluruh negeri Perak?
- b). Apakah langkah intervensi dan bersepodu yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengekang supaya perkara seperti ini tidak berlaku dimasa hadapan seperti isu yang telah berlaku di Sitiawan?
- c). Apakah jaminan dan tindakan pihak kerajaan melalui usaha penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dalam proses pindah milik TRM kepada Bukan melayu?

**30. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

Pesawah Daerah Kerian hadapi kerugian akibat tanah jerlus atau lembut. Apakah ada bantuan dari kerajaan negeri atau persekutuan.

**31. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

ISU PEMBUANGAN SISA INDUSTRI.

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap tebing sungai yang berulang kali menjadi tapak pembuangan sisa industri yang berbau bahan kimia?
- b) Adakah Kerajaan Negeri sedar kegiatan pembuangan sisa industri di tepi sungai, menyebabkan sungai tersebut menjadi sempit dan mengakibatkan banjir?

**32. YB ENCIK AHMAD BIN MAN ( KUALA SEPETANG )**

Memohon untuk dimaklumkan apakah perancangan dan tindakan YB Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Kebajikan Masyarakat Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Kerajaan Negeri serta GLC untuk rakyat negeri ini yang terdiri dari golongan miskin tegar untuk dibawa mereka semua ini keluar dari terus tergolong dalam kategori tersebut?

**33. YB ENCIK CHEAH POU HIAN ( JELAPANG )**

3. Perak merupakan negeri yang kaya dengan bahan galian, yang mana galian-galian ini boleh meningkatkan pendapatan negeri Perak.

- a) Adakah kerajaan negeri akan menjalankan penerokaan tanah sebelum pembangunan supaya galian berharga tersebut tidak dibazirkan begitu sahaja?

**34. YB DR. NAJIHATUSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan bekalan air untuk pesawah padi di daerah Perak Tengah sentiasa mencukupi?

**35. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Masalah Sampah

- a) Pembuangan sampah di Pasar SPPK daripada pelbagai pihak menyebabkan keadaan kebersihan di situ amat teruk. Apakah cadangan pihak MBI untuk menghentikan pembuangan sampah oleh pihak-pihak yang bukan penjaja di Pasar SPPK?

b) Aktiviti kutipan bahan kitar semula di Pasar Pasir Puteh menyebabkan keadaan di hadapan beberapa buah kedai menjadi amat kotor. Apakah tindakan dan cadangan oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini?

**36. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

(i) Adakah Kerajaan Negeri membenarkan struktur telekomunikasi (telco tower) dibina di bulatan (roundabout) ataupun taman permainan kanak-kanak?

(ii) Apakah peruntukan undang-undang yang digunakan untuk membenarkan struktur jenis komersil di kawasan bulatan (roundabout) atau taman rekreasi?

**37. YB ENCIK ONG SENG GUAN ( POKOK ASSAM )**

Bas EV yang pertama di bandar Taiping akhirnya telah beroperasi mulai 1hb Ogos 2023 dan bertujuan untuk mempromosikan produk pelancongan Taiping dengan membawa penumpang mengikut jejak warisan.

a)Apakah pelan alternatif MPT sekiranya bas EV ini rosak atau tidak dapat beroperasi ?

b)Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mendapatkan sebuah lagi bas EV untuk MPT sempena ulang tahun ke-150 bandar Taiping?

c)Selain bas EV , bolehkah kerajaan negeri atau pihak berkenaan dapatkan perkhidmatan bas HOHO untuk tujuan mempromosikan sektor pelancongan Taiping sempena ulang tahun ke-150?

**38. YB ENCIK NGA KOR MING ( KEPAYANG )**

Perlombongan nadir bumi

i) Minta YAB Menteri Besar nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh kerajaan negeri supaya memastikan perlombongan nadir bumi dalam negeri Perak tidak merosakkan alam sekitar dan pada masa yg sama menambah hasil pendapatan kerajaan negeri Perak